# FERTILIZER AUGER

## HAND OPERATED HOLE DIGGING WITH FERTILIZING DISPENSER APPARATUS



**JIMAT ✦ EFISYEN ✦ PRAKTIKAL**



## ACACIA SOCIETY

Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Sepang

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS) 2025

**KATEGORI: PENCIPTAAN**

# AHLI KUMPULAN

KETUA PENYELARAS

AHMAD SYAFIQ BIN SABRI





KETUA PROJEK

MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN





TEKNIKAL DAN PRODUK INOVASI

ZULKHAIRI BIN RABA'AI

MUHAMMAD AIZUDDIN BIN MOHD YUSUFF





LOGISTIK DAN PERHUBUNGAN AWAM

MUHAMMAD ZAKWAN BIN MAT ISA

WAN IZZUDDIN BIN ABD RAZAK





MULTIMEDIA

LUQMAN HAQIM BIN ISMAIL

AMIRUL NAIM BIN MOHD SANI





DOKUMENTASI

NUR FADIELLA BINTI MOHD SOHIB

AIMI SYAHIRAH BINTI ABU SAFIYAN

# SEKAPUR SIREH



**Cik Arefah Binti Rahim**
**Pengarah**
**Jabatatan Landskap**
**Majlis Perbandaran Sepang**

Assalammualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Program kumpulan inovasi Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dapat direalisasikan sekali lagi pada tahun 2025. Saya mengambil kesempatan merakamkan terima kasih kepada ahli kumpulan Acacia Society kerana berjaya melaksanakan program ini seperti yang telah dirancang. Dorongan dan sokongan semua pihak, khususnya kepada semua institusi pelaksana, warga majlis, dan seluruh masyarakat amatlah dihargai.

Kita amat berbangga kerana inovasi ini terus unggul dengan pembaharuan yang kita lakukan menuju ke era globalisasi, Insan yang inovatif pasti akan menjana transformasi pendidikan yang bakal melahirkan modal insan nan kreatif dan berdaya saing. Saya yakin dan percaya bahawa inovasi ini mampu memenuhi matlamat iaitu ini juga merupakan medium untuk menerangkan kepadaumummengenaiperanan yang dimainkan oleh MPSepang dalam proses pembangunan yang komprehensif di Daerah Sepang selari dengan slogan MPSepang "Bersih, Hijau dan Sejahtera"

Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua agensi pelaksana supaya memberi perhatian dan komitmen yang tinggi agar inovasi ini dapat diguna pakai dengan lebih berinovasi dan kreatif yang mampu mewarnai Pelan Pembangunan Landskap Malaysia.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Produk yang dihasilkan adalah ***Fertilizer Auger***, penciptaan alat yang menambahbaik keberkesanan bagi kerja-kerja pembajaan dan penjimatan penggunaan baja pada tanaman landskap. Kaedah pembajaan manual sedia ada yang diaplikasikan di tapak memerlukan pekerja untuk mencangkul permukaan tanah terlebih dahulu sebelum baja ditabur dan ianya mengambil masa yang agak lama bagi kerja-kerja pembajaan di kawasan landskap taman.

Tujuan utama produk ini adalah ingin mengurangkan larian baja melalui air di permukaan tanah yang mengakibatkan kerugian dari segi kos baja yang digunakan dan kos tenaga buruh secara tidak langsung. Umum sedia maklum berkaitan pokok yang kurang pembajaan akan mengakibatkan pokok kekurangan nutrien seperti batang tidak kuat, daun tidak sihat dan kekuningan serta pengeluaran bunga yang tidak memuaskan.

Kumpulan ini telah mengenalpasti beberapa kawasan di mana pertumbuhan pokok dilihat tidak memuaskan walaupun telah dibaja mengikut jadual. Hasil pemerhatian mendapati baja yang ditabur telah mengikut larian air di permukaan tanah semasa hujan dan pokok tidak dapat menyerap nutrien yang mencukupi untuk pertumbuhan yang baik.

Hasil perbincangan bersama ahli kumpulan, kaedah pembajaan poket menggunakan alat ***Fertilizer Auger*** adalah inisiatif terbaik bagi mengatasi masalah larian baja ini selain dapat menjimatkan masa, kos tenaga kerja dan bekalan pembajaan.

Produk inovasi ini dihasilkan dari kerangka besi stainless steel yang berukuran 85cm tinggi dengan kelebaran 9cm. Keutamaan penggunaannya adalah kepada tanaman pokok teduhan dan pokok renek di kawasan lereng bukit. Disamping itu, produk ini dapat membaiki struktur tanah yang semakin padat di kawasan landskap bandaran selain memberi impak secara menyeluruh terhadap kerja-kerja penyelenggaraan landskap lembut bertepatan dengan slogan Majlis Perbandaran Sepang iaitu Bersih, Hijau dan Sejahtera.



# ISI KANDUNGAN


| BIL. | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1 | **PENGENALAN** | |
| | 1.1 Tajuk Projek | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kumpulan | 1 |
| | 1.3 Maklumat Projek | 1 |
| | 1.4 Penglibatan Pihak Pengurusan | 2 |
| 2 | **SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK** | |
| | 2.1 Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan / Organisasi | 4 |
| | 2.2 Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh | 4 |
| | 2.3 Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional | 5 |
| | 2.4 Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa | 6 |
| | 2.5 Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis | 7 |
| | 2.6 Penyataan Sasaran Outcome Dan Impak | 7 |
| 3 | **TINDAKAN PENYELESAIAN** | |
| | 3.1 Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan *Tools* | 8 |
| | 3.1.1 Kaedah Carta Perbatuan | 8 |
| | 3.1.2 Kaedah *Design Thinking* | 9 |
| | 3.2 Penghasilan Dan Pengujian Prototaip | 17 |
| | 3.2.1 Penghasilan dan pengujian | 17 |
| | 3.2.2 Proses pembangunan prototaip | 18 |
| | 3.3 Perakuan Daripada Pihak Bertauliah / Pihak Berkuasa | 19 |
| | 3.4 Pelaksanaan Inovasi | 19 |
| 4 | **KEBERHASILAN PROJEK** | |
| | 4.1 Outcome Projek | 20 |
| | 4.1.1 Pencapaian Outcome Dan Pembuktian | 20 |
| | 4.1.2 Faedah Sampingan Luar Jangka | 20 |
| | 4.2 Impak Projek | 21 |
| | 4.2.1 Penilaian Impak Dan Pembuktian | 21 |
| | 4.2.2 Faedah Sampingan Luar Jangka | 21 |
| 5 | **POTENSI PROJEK** | |
| | 5.1 Tahap Ketersediaan Teknologi / Sistem / Proses | 22 |
| | 5.1.1 Pengguna Inovasi | 22 |
| | 5.2 Tahap Replikasi / Pengkomersialan | 23 |
| | 5.2.1 Pendaftaran Perlindungan Harta Intelek | 24 |
| | 5.2.2 Promosi | 24 |
| | 5.2.3 Replikasi produk | 24 |
| 6 | **LAMPIRAN** | |

# BAB 1: PENGENALAN

## 1.1 Tajuk Projek:

**_FERTILIZER AUGER_**

*Hand operated hole digging with fertilizing dispenser apparatus*





## 1.2 Latar Belakang Kumpulan:

| | |
|---|---|
| NAMA AGENSI | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG |
| ALAMAT | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG, PERSIARAN SEMARAK API, CYBER 1, 63200 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN |
| BILANGAN AHLI | 10 ORANG + 1 ORANG FASILITATOR |
| TAJUK PROJEK | FERTILIZER AUGER |
| KATEGORI PROTOTAIP | TREK INFRASTRUKTUR |
| NO. TELEFON & FAKS | MP Sepang : 03-8319 0200 / 03-8319 / 0300 |
| E-MEL | arefah@mpsepang.gov.my<br>ahmadsyafiq@mpsepang.gov.my |

## 1.3 Maklumat Projek

| | |
|---|---|
| NAMA PROJEK | FERTILIZER AUGER |
| KETERANGAN PROJEK | PENAMBAHBAIKAN BAGI MASALAH BERKAITAN KAEDAH PEMBAJAAN TANAMAN LANDSKAP LEMBUT SECARA OPTIMUM |
| PENYATAAN MASALAH | MASALAH LARIAN BAJA BAGI TANAMAN LANDSKAP LEMBUT TERUTAMANYA DI KAWASAN CERUN |
| JUSTIFIKASI MASALAH | KADAR PENERIMAAAN BAJA YANG RENDAH KERANA BAJA TIDAK DAPAT DISERAP DENGAN BAIK OLEH TANAMAN YANG BERADA DI KAWASAN CERUN |
| BIDANG INOVASI | BIDANG PENGURUSAN LANDSKAP LEMBUT |
| KATEGORI INOVASI | PENAMBAHBAIKAN (PENCIPTAAN) |

## 1.4 Penglibatan Pihak Pengurusan

### SARANAN PENYEDIAAN PROJEK

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang telah memberikan saranan bagi penubuhan kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) Peringkat Majlis Perbandaran Sepang merujuk kepada surat yang bertarikh pada 03hb Mei 2023 untuk melaksanakan projek inovasi berlandaskan keperluan Jabatan.



SEPANG

MEMO

| Daripada | : P (L) | | |
|---|---|---|---|
| Kepada | : Ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) | | |
| Salinan Kepada | : P (KORP) | | |
| Rujukan Kami | Tarikh | Rujukan Tuan | Tarikh |
| MPSepang(LAND)100-12/4/4 ( ) | 24 Disember 2022 | | |

Tuan,

**PELANTIKAN AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak tuan telah dilantik sebagai ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang. Senarai ahli kumpulan yang dilantik adalah seperti di Lampiran 1.

3. Kerjasama daripada pihak tuan dalam menjayakan Projek KIK ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AREFAH BINTI RAHIM)**
Pengarah,
Jabatan Landskap,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang



**BORANG PENUBUHAN KUMPULAN INOVASI MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

NAMA FASILITATOR : AREFAH BINTI RAHIM

JABATAN/UNIT : JAB. LANDSKAP

NAMA PRODUK INOVASI : FERTILIZER AUGER

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | AHMAD SYAFIQ BIN SABRI | ARKITEK LANDSKAP |
| 2. | MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 3. | MUHAMMAD ZAKWAN BIN MAT ISA | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 4. | ZULKHAIRI BIN MD RABA'AI | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 5. | LUQMAN HAQIM BIN ISMAIL | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 6. | MUHAMMAD AZUDDIN BIN MOHD YUSUFF | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 7. | AINI SYAHIRAH BINTI ABU SAFIYAN | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 8. | NUR FADIELLA BINTI MOHD SOHIB | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 9. | AMIRUL NAIM BIN MOHD SANI | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 10. | WAN IZZUDDIN BIN ABD RAZAK | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |

Nota : Sila kembalikan borang ini sama ada secara hardcopy atau melalui emel kepada Encik Mohamad Za'im Erham bin Miswandi [illegible] atau Encik Mohammad Reza bin Mohd Kamal [illegible]

Disediakan Oleh : Disahkan Oleh :

( Pengarah Jabatan / Unit )

Pengarah
Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Sepang

Lampiran 1a: Surat dan borang penubuhan kumpulan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.



### PENUBUHAN KUMPULAN

Penghasilan produk ini telah mendapat kebenaran dari Pengarah Jabatan Landskap, Cik Arefah Binti Rahim melalui memo yang bertarikh 24 Disember 2022. Sehubungan itu, kumpulan Acacia Society telah ditubuhkan pada 03 Mei 2023 untuk melaksanakan penciptaan produk inovasi bagi mengatasi masalah kaedah pembajaan yang tidak efisien dalam kerja – kerja penyelenggaraan landskap sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada pemegang taruh. Perancangan projek inovasi ini telah dimulakan pada 03 Mei 2024. (Rujuk Lampiran 1c: Carta Perbatuan Pelaksanaan Projek).

### SOKONGAN AGENSI LUAR

Kumpulan Acacia Society juga mendapat sokongan daripada Pengurusan Jabatan Dalaman Majlis Perbandaran Sepang dan Kontraktor Landskap yang berdaftar bagi penambahbaikan prosedur kerja sediaada yang lebih efisien.



# BAB 2: SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

## 2.1 Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan / Organisasi

**VISI**

**Menjadi Perbandaran Bersih, Hijau, Pintar dan Mampan menjelang 2030.**

**MISI**

**Melaksanakan perkhidmatan perbandaran secara kreatif dan inovatif dengan menerapkan teknologi hijau dalam pembangunan ke arah merancakkan pertumbuhan ekonomi.**

**OBJEKTIF JABATAN**

**Berkolaborasi bersama warga daerah Sepang untuk menjadikan Daerah Sepang sebuah daerah yang bersih, cantik, hijau dan tersusun dengan adanya satu kawalan pembangunan landskap yang dapat memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk di samping memastikan pembangunan yang dibangunkan tidak menjejaskan alam semulajadi.**

Infografik: Visi, Misi dan Objektif Jabatan

Jabatan Landskap bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan rekreasi dan memainkan peranan penting dalam memastikan kecantikan seluruh kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang secara berterusan ke arah mencapai moto **'Sepang Bersih Hijau dan Sejahtera'** dan visi untuk menjadi '**Perbandaran Bersih, Hijau, Pintar dan Mampan menjelang 2030'**. Ianya juga selaras dengan objektif Jabatan Landskap menjadikan Sepang sebuah daerah yang bersih, cantik, hijau dan tersusun dengan adanya satu kawalan pembangunan landskap yang dapat memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk.

Program – program pengindahan dan penyelenggaraan kawasan taman dan kawasan landskap terus ditambahbaik dari tahun ke tahun selain terdapat kawasan taman-taman baru yang dibuka kepada orang awam bertujuan untuk memberi keselesaan dan menggalakkan aktiviti riadah terutamanya kepada penduduk sekitar Sepang.

## 2.2 Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh

Projek inovasi bagi kumpulan Acacia Society yang dipilih *(Fertilizer Auger)* ini dilihat berpotensi untuk dikomersialkan dan digunakan dalam industri landskap serta mampu memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh antaranya:

- Jabatan Landskap Negara (JLN)
- Kontraktor landskap (MPSepang) – kontraktor penyelenggaraan landskap
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT Gunasama)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Sekolah Vokasional / Institusi / Universiti Tempatan (Penglibatan praktikal dalam bidang landskap dan pertanian)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SEPANG MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

UPM

JABATAN PERTANIAN

Logo: Agensi dan institusi tempatan

## 2.3 Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional

### i) Rancangan Malaysia (RMK)

Pelaksanaan projek inovasi ini selaras dengan agenda dan matlamat nasional RMK ke-12 iaitu:

**Perkara 11** - Melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju

**Perkara 13** - Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan sektor awam




Infografik: Rancangan Malaysia ke-12




Infografik: Belanjawan 2023

### ii) Malaysia MADANI

Ianya juga sejajar dengan dasar membangunkan Malaysia MADANI iaitu:

**keMampanan** - Kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam

**Daya cipta** - Mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu




Infografik: Tonggak Pembangunan Malaysia MADANI

### iii) Belanjawan 2023 : Amalan Hijau

- Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian
- Pelaksanaan Pengurusan Teknologi Tepat

### iv) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**Ikhtiar 8 :** Memperkukuh Peranan Agensi dan Syarikat Kerajaan = iaitu meningkatkan ruang modal serta menarik minat bakat tempatan dalam sector berinovasi tinggi

MOSTI

## 2.4 Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa

Majlis Perbandaran Sepang khususnya Jabatan Landskap sedang menjalankan usaha memperkasakan penggunaan baja organik bagi menjaga kualiti tanaman dan meminimumkan penggunaan bahan kimia dalam mengindahkan kawasan landskap di bawah pentadbiran Sepang.

Kumpulan Acacia Society telah mengkaji keperluan semasa jabatan di dalam proses pembajaan pokok dan telah mengenalpasti beberapa kaedah konvensional antaranya menggunakan cangkul bagi kerja mengorek lubang pembajaan, menabur baja dan mengambus semula tanah. Terdapat 4 kriteria utama yang dinilai bagi melihat perbezaan setiap kaedah tersebut bagi mensasarkan kebolehcapaian penciptaan alat inovasi ini antaranya termasuklah dari aspek produktiviti kerja, kos operasi, tempoh masa dan tahap kepuasan pelanggan.



Gambar: Kaedah pembajaan konvensional yang menggunakan peralatan seperti cangkul dan bekas baja.




Rajah: Proses bagi kerja-kerja pembajaan tanaman secara manual.

## 2.4 Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem (samb.)

**Produktiviti Kerja**

Pengendalian alat akan memerlukan seorang (1) pekerja sahaja. Penggunaan alat *Fertilizer Auger* lebih efektif kerana dapat mengurangkan tenaga kerja bagi aktiviti pembajaan di kawasan lapang yang luas selain dapat menjimatkan masa.

**Gerak Kerja**

Prosedur kerja sediaada mengambil tempoh yang lebih lama dimana setiap proses kerja mengambil purata masa selama 15 minit untuk dilaksanakan terutamanya bagi proses penyediaan peralatan logistik dan bekalan baja. Beberapa peralatan yang perlu disediakan seperti cangkul, skop tanah, kereta sorong dan sukatan baja. Jarak perjalanan untuk ke stor peralatan juga diambil kira.

**Tempoh Masa**

Pengurangan tempoh masa bagi aktiviti pembajaan secara konvensional dengan kaedah lama menggunakan cangkul iaitu 15 minit kepada 5 minit dengan menggunakan alat *Fertilizer Auger.*

## 2.5 Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisa

Kumpulan ini telah menggunakan kaedah *Design Thinking* dan Teknik Analisa 5W1H bagi mengenalpasti dan menganalisis permasalahan serta tindakan penyelesaian.

## 2.6 Penyataan Sasaran Outcome Dan Impak

### SASARAN OUTCOME

- Mempercepatkan proses kerja pembajaan dari 15 minit kepada 5 minit
- Mengurangkan jumlah tenaga kerja dalam satu masa dari 5 orang kepada 1 orang sahaja
- Mengurangkan penggunaan peralatan dan kaedah pembajaan
- Mengurangkan pembaziran baja akibat larian air di permukaan tanah

### SASARAN IMPAK

- Kaedah pembajaan dapat dilakukan secara efisien
- Memudahkan pekerja landskap melaksanakan tugas pembajaan pokok
- Keberkesanan kualiti kerja dan penggunaan bekalan baja yang lebih optimum
- Meningkatkan imej jabatan

# BAB 3: TINDAKAN PENYELESAIAN

## 3.1 Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools

Bagi memastikan penghasilan produk inovasi ini lebih teratur dan sistematik, kumpulan ini telah menggunakan kaedah **Carta Perbatuan** dan ***Design Thinking*** dalam perancangan pembangunan produk.




Rajah: Kaedah Design Thinking

### 3.1.1 Kaedah Carta Perbatuan

Kumpulan ini telah merangka pelan tindakan pembangunan projek inovasi bagi mewujudkan *FERTILIZER AUGER – ALL IN ONE* seperti Lampiran 1c di bawah yang merangkumi proses pembangunan alat, pelan tindakan ujicuba dan pelaksanaan ujicuba. Keseluruhan proses ini mengambil masa selama 48 minggu bagi memastikan alat dapat berfungsi dengan baik, praktikal dan selamat untuk digunakan.




Lampiran 1c: Carta Perbatuan Pelaksanaan Projek

## 3.1.2 Kaedah Design Thinking

### i) Empati *(Emphathize)*

Beberapa isu telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Alam Sekitar dan Pelancongan, kontraktor landskap di bawah lantikan dan seliaan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang tidak menyelenggara pokok dengan betul terutamanya melalui kaedah pembajaan.





**MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, ALAM SEKITAR, SUKAN DAN PELANCONGAN BIL. 12/2022**

**PERKARA - PERKARA BERBANGKIT ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

| BIL | PERKARA | JABATAN |
|---|---|---|
| 1. | **Rumput Di Kaw... Walk**<br><br>Lawatan ... JPP zon pada 15/1... memoh... ar pokok renek di median j... protok... selenggara dengan baik ... segi k... h pembajaan yang betul<br><br>Encik ... n Chee Hui<br>**(Peng... si JPP Kota Warisan)**<br><br>**Ulasan ... syuarat**<br>Dato' P... usi, mengulas kawa... tersebut bol... vulam pokok ba... mohon pegawai ... kerja kontraktor di tap...<br><br>**Tindakan: Ja... tan Landskap** | **Ulasan Jabatan**<br><br>Kawasan jalan utama protocol dibawah seliaan kontraktor landskap dan Jabatan telah memberi taklimat berkenaan skop kerja penyelenggaraan landskap. |

Keratan: Minit mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Alam Sekitar, Sukan dan Pelancongan. Bil.12/2022

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Tahap kesuburan pokok – pokok di kawasan Majlis Perbandaran Sepang |
| 2. | Pokok – pokok teduhan dan renek mati |
| 3. | Tiada penggunaan dan pengenalan baja baharu. |
| 4. | Mengawal penggunaan baja kimia dan menggalakkan baja organik. |
| 5. | Persekitaran kawasan penyelenggaraan landskap yang tidak kemas |

### ii) Takrifan *(Define)*

Kumpulan ini telah menggunakan kaedah 5W+1h bagi menganalisa dan mengenalpasti permasalahan di tapak.




Rajah: Teknik analisa 5W1H bagi menganalisis permasalahan di tapak

## iii) Penjanaan Idea *(Ideate)*

Kumpulan ini telah mengadakan sesi perbincangan dan *brainstorming* bagi menyenaraikan semua alternatif dan cadangan penyelesaian masalah. Ianya juga telah disenarai pendek dengan menggunakan Kaedah Analisa Faedah (rujuk Jadual 3a).



Gambar: Pokok renek yang tidak sihat akibat kekurangan baja

| BIL. | MASALAH | PENCADANG |
|---|---|---|
| 1. | Mengitar semula sisa kayu untuk dijadikan kotak penanaman 'pasu'. | Cik Arefah |
| 2. | Gunapakai semula rubbermate yang telah rosak sebagai tapak asas bagi laluan pejalan kaki. (Jentera / mesin proses) | En. Syafiq |
| 3. | Tiada kesedaran awam berkaitan kebersihan landskap. | En. Naim |
| 4. | Kekurangan Pekerja awam bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap. | En. Firdaus |
| 5. | Kesukaran pekerja awam untuk mengangkat tunggul ke dalam tong roro. (Troli) | En. Zakwan & En. Wan Izzuddin |
| 6. | Kaedah pembajaan pokok yang tidak efektif. | En. Zulkhairi |
| 7. | Masalah penggunaan dan ketahanan bahan bagi kawasan taman permainan. (Material / Bahan) | En. Luqman |
| 8. | Masalah aduan kebun haram / tanaman tidak diurus di kawasan seliaan MPSepang. | En. Aizuddin |
| 9. | UV POWER PATHWAY menggunakan ECO CHIP di kawasan laluan pejalan kaki. (Glow in the dark walkway). | Pn. Fadiella & Pn. Aimi |

Jadual 3a: Kaedah Analisa Faedah

Seterusnya, Kaedah Pro Kontra telah digunakan bagi mengenalpasti alternatif dan penyelesaian paling praktikal seperti di Jadual 3b dan kemudian ianya dikembangkan lagi dengan kaedah pembajaan poket yang lebih efisien. Hasil daripada idea kreatif ini, maka inovasi *-Fertilizer Auger* telah dicipta.



Gambar: Pengenalan

| | TEKNIK | KAEDAH SEDIA ADA | IDEA KREATIF |
|---|---|---|---|
| S | **GANTI** SUBSTITUTE | Alatan perlu dilakukan oleh 1-2 orang | Alatan yang boleh digunakan oleh 1 orang |
| C | **GABUNG** COMBINE | Tidak mendapat baja keberkesanan yang optimum | Mendapat keberkesanan baja yang optimum |
| A | **SESUAIKAN** ADAPT | Kerja mencangkul/menabur perlu dilakukan secara berasingan | Merekabentuk alat yang dilengkapi 2 kaedah dalam satu 1 alatan. |
| M | **UBAHSUAI** MODIFY | 2 Alat dengan 2 fungsi berbeza (cangkul dan bekas baja) memerlukan 2 orang bagi kelancaran kerja. | Mengubahsuai 1 alat dengan 2 fungsi dan boleh dikendalikan oleh 1 orang kakitangan. |
| P | **TUJUAN** PURPOSE | Mengatasi larian air Bersama baja di permukaan tanah. | Membaja menggunakan kaedah poket dengan kedalaman yang bersesuaian. |
| E | **HAPUSKAN** ELIMINATE | Penggunaan cangkul yang menggunakan tenaga yang banyak dan kecederaan tubuh badan. | Mengurangkan dari 2 alat utama kepada 1 alat sahaja dengan mengekalkan fungsi utama serta menggunakan tenaga yang sedikit. |
| R | **MENGUBAH** REPOSITION | Kaedah konvensional memerlukan minima 2 alat (cangkul dan bekas baja). | Kaedah baru berkonsepkan 1 alat untuk berjenis melubang dan menutup kembali lubang tersebut dengan baja dan tanah dengan sempurna disamping membaiki struktur tanah yang padat. |

Jadual 3b: Kaedah Pro Kontra

## iv) Prototaip *(Prototype)*

Berikut merupakan penjanaan idea bagi penghasilan dan penciptaan produk prototaip melalui beberapa lakaran awal sehingga lakaran rekabentuk akhir.

### a. Lakaran Peralatan (Rekabentuk Skematik)

1. Cop




2. Cangkul



3. Corong




4. Handle bar





Gambar: Contoh peralatan yang digunakan sebagai idea awal penciptaan rekabentuk prototaip 1.0

### b. Lakaran Prototaip Awal






Gambar: Idea awal pada rekabentuk prototaip 1.0

## c. Lakaran berkomputer prototaip 1.0






Gambar: Prototaip 1.0

Berikut merupakan langkah-langkah pembajaan menggunakan alatan *Fertilizer Auger* prototaip 1.0.

**LANGKAH 1**
Menolak alatan ke dalam tanah

**LANGKAH 2**
Mengangkat alatan keluar dari tanah

**LANGKAH 3**
Masukkan baja kedalam lubang yang digali

**LANGKAH 4**
Menimbus semula tanah menggunakan alatan



Gambar: Kaedah pembajaan menggunakan alatan *Fertilizer Auger* prototaip 1.0.

## d. Lakaran berkomputer prototaip 2.0






Gambar: Prototaip 2.0

Berikut merupakan langkah-langkah pembajaan menggunakan alatan *Fertilizer Auger* prototaip 2.0.

**LANGKAH 1**
Menolak alatan ke dalam tanah

**LANGKAH 2**
Mengangkat alatan keluar dari tanah

**LANGKAH 3**
Masukkan baja kedalam lubang melalui corong dan bekas baja

**LANGKAH 4**
Menimbus semula tanah menggunakan alatan



Gambar: Kaedah pembajaan menggunakan alatan *Fertilizer Auger* prototaip 2.0.

## e. Lakaran berkomputer prototaip 3.0




Komponen pada alatan *Fertilizer Auger* prototaip 3.0 yang telah ditambahbaik:


Gambar: Prototaip 3.0


Gambar: Bekas baja


Gambar: *Soil embed*







Gambar: Skrin panel



Gambar: Lakaran komponen 3D skrin panel



Pemasangan komponen teknologi Ai skrin panel pada *Fertilizer Auger* prototaip 3.0 ini mampu menunjukkan kadar bacaan baja N:P:K pada tanah melalui aplikasi telefon pintar.




Gambar: Paparan bacaan kadar baja N:P:K

## 3.2 Penghasilan dan pengujian prototaip

### 3.2.1 Penghasilan dan pengujian




Memasukkan alat *Fertilizer Auger 3.0* ke dalam tanah




Aplikasi dibuka menggunakan telefon pintar bagi mengambil bacaan N:P:K tanah




Bacaan N:P:K tanah dipaparkan pada skrin tanah




Tanah diangkat keluar menggunakan komponen *soil embed*




Baja dimasukkan mengikut kadar yang diperlukan oleh tanaman




Tanah dimasukkan semula ke dalam lubang pembajaan




Penggalian lubang pembajaan diulangi kepada beberapa tempat di sekeliling tanaman

### 3.2.2 Proses pembangunan prototaip

Komponen-komponen elektronik telah diuji dan dipasang pada kerangka *Fertilizer Auger 3.0*. Data seperti keperluan nutrien baja N:P:K, kelembapan tanah dan suhu persekitaran diambil kira bagi pembangunan prototaip ini.



Gambar: Pemasangan komponen skrin panel pada alat *Fertilizer Auger 3.0*.

Penggunaan bahan dari jenis *bio-degradable* pada pembuatan bekas baja dan pemegang *soil embed*. Selain itu, pemilihan bahan *stainless steel* pada kerangka alat ini menjadikan ianya lebih ringan dan mudah dikendalikan.



Gambar: Komponen-komponen pada alat *Fertilizer Auger 3.0*.

## 3.3 Perakuan daripada Pihak Bertauliah / Pihak Berkuasa



SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA HARI INI

PELUMBA melintasi landskap bunga di Putrajaya ketika memulakan saingan peringkat keenam perlumbaan Le Tour de Langkawi, baru-baru ini.

**Usaha menyemai cinta kelestarian landskap**

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR

SEJAK penubuhannya pada 1996, Jabatan Landskap Negara (JLN) telah memainkan peranan besar untuk membangunkan program pembangunan landskap sejajar dengan usaha membantu meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar dan menjaga kelestarian alam sekitar.

Tugas yang digalas JLN bukan sahaja mewujudkan kemudahan dari segi pembangunan landskap semata-mata, sebaliknya memupuk pemahaman berkenaan kepentingan landskap dalam kalangan masyarakat semaksimum mungkin.

Peranan JLN boleh dirumuskan menerusi definisi landskap iaitu pandangan luaran yang wujud sama ada secara semula jadi atau buatan yang dapat dilihat di atas muka bumi seperti tumbuh-tumbuhan, topografi, bangunan, sungai, tasik dan lain-lain.

Selain kewujudan secara semula jadi, pelbagai cara boleh dilakukan untuk mewujudkan landskap yang menarik bagi menghiasi muka bumi ini.

Bagi mencapai maksud tersebut, Ketua Pengarah JLN, Esa Ahmad berkata, kerajaan pada 3 Mac setiap tahun menganjurkan Hari Landskap Negara bertujuan memupuk semangat kecintaan landskap dalam kalangan rakyat yang sekali gus dapat menyemai sikap menyayangi alam sekitar.

Katanya, matlamat lain Hari Landskap Negara adalah mempertingkatkan kualiti pembangunan landskap dengan mewujudkan minat dan pengetahuan dalam kalangan semua pihak terhadap landskap.

"Tujuan Hari Landskap Negara juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman Terindah menjelang 2020.

"Tanpa pemahaman yang jitu dan jelas adalah sukar bagi kerajaan untuk menyemai budaya landskap kepada rakyat kerana kesedaran adalah asas utama dalam soal ini," katanya kepada Utusan Malaysia di Putrajaya, baru-baru ini.

ESA AHMAD

Esa menjelaskan, landskap adalah komponen penting dalam meningkatkan kesejahteraan bandar kerana ia menyediakan infrastruktur hijau dan mampan sebagai teras penghijauan bandar.

Katanya, JLN mempunyai dua matlamat iaitu membangunkan akses-akses taman termasuk dari segi penyelenggaraan dan pengekalan kawasan hijau.

"Penyediaan infrastruktur hijau menjadi akses kepada masyarakat untuk beriadah dan mengamalkan gaya hidup sihat sekali gus mampu meningkatkan kesihatan masyarakat ke arah kehidupan berkualiti dan menyeluruh di kawalan perbandaran.

"Dalam erti kata lain, JLN berperanan menyediakan akses (taman landskap) demi kesejahteraan penduduk bandar," katanya.

Bercakap lebih lanjut mengenai sambutan Hari Landskap Negara 2016, Esa memberitahu sambutan yang bermula sejak 1997 itu bakal sekali lagi dianjurkan tahun ini pada 5 dan 6 Mac di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak (lama) dan Taman Botani Sarawak, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

Menurut beliau, Hari Landskap Negara 2016 yang bertemakan, Landskap Berfungsi Kehidupan Berkualiti, dijadual dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem.

Beberapa program menarik diatur sepanjang dua hari acara itu berlangsung.

"Antara program menarik adalah pertandingan mereka bentuk landskap dan melukis mural, acara penanaman pokok, dan agihan anak pokok kepada para pengunjung dengan sasaran turut melibatkan pelbagai lapisan umur termasuk kanak-kanak.

"Menariknya sambutan tahun ini ialah kerana diadakan di Taman Botani Sarawak, iaitu salah satu projek pembangunan JLN di negeri tersebut selain menjadi lokasi pelancongan utama di negeri itu.

"Pelbagai aktiviti yang dianjurkan melibatkan kerjasama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan beberapa jabatan serta agensi negeri," katanya.

Menyentuh tentang cabaran JLN, Esa berkata, amanah yang paling besar untuk dipikul oleh pihaknya adalah berkenaan tugas penyelenggaraan taman-taman rekreasi di seluruh negara bagi memastikan ia sentiasa selamat digunakan oleh orang ramai khususnya kanak-kanak.

Katanya, selain itu, orang ramai perlu memainkan peranan dengan bersama-sama menjaga kemudahan rekreasi awam yang disediakan kerajaan agar boleh dimanfaatkan oleh masyarakat awam dalam jangka masa panjang.

"Kerajaan terpaksa mengeluarkan dana yang besar bagi kos penyelenggaraan taman rekreasi awam seluruh negara ekoran sikap tidak bertanggungjawab rakyat Malaysia sendiri.

"Adalah baik sekiranya peruntukan itu digunakan untuk tujuan pembangunan lain.

"Oleh itu, Hari Landskap Negara bersesuaian dengan matlamat ini mahu mengajak masyarakat untuk menjaga keindahan landskap di kawasan masing-masing bagi menjamin kelestarian alam," katanya.

Tugas utama pihak berkuasa tempatan adalah merancang dan melaksanakan pengindahan landskap yang lebih menyeluruh di samping meningkatkan kualiti alam sekitar serta disokong oleh program penyelenggaraan yang cekap. Tetapi malangnya kadar pertumbuhan pokok di seluruh Malaysia tidak cukup subur.

Masalah ketidaksuburan pokok bunga di kawasan landskap ini adalah kerana penggunaan media baja yang tidak mengikut sukatan yang betul.

Keratan: Utusan Malaysia
(Jabatan Landskap Negara)

## 3.4 Pelaksanaan inovasi









Gambar: Pengenalan dan penggunaan alat *Fertilizer Auger* 3.0 di peringkat MPSepang oleh pembantu awam landskap di tapak.

# BAB 4: KEBERHASILAN PROJEK

## 4.1 Outcome Projek

### 4.1.1 Pencapaian Outcome dan Pembuktian

**JIMAT**

**EFISYEN**

**PRAKTIKAL**

#### i) Menambahbaik Prosedur dan Tempoh Kerja

Kerja-kerja pembajaan secara konvensional melibatkan skop kerja yang lebih banyak seperti  menggembur, mencangkul, membaja, dan menimbus. Selain itu, ianya juga melibatkan  penggunaan beberapa alatan dan mengambil tempoh yang panjang untuk dilaksanakan. Penciptaan *Fertilizer Auger* ini telah memberi manfaat kepada aspek penggunaan baja yang optimum, alatan yang  praktikal dan tempoh perlaksanaan kerja yang singkat. Penjimatan tempoh masa bagi kerja-kerja penyediaan lubang dan penggemburan berkurang sebanyak **42 peratus** iaitu daripada **7 minit kepada 3 minit.**

#### ii) Meningkatkan Produktiviti Kerja

Penggunaan produk fertilizer auger ini telah mengurangkan jumlah tenaga kerja untuk melakukan kerja pembajaan **daripada 3 orang kepada seorang** sahaja.

#### iii) Penggunaan Baja yang Optimum

Isu penggunaan baja dapat diselesaikan dengan penggunaan produk ini kerana baja dapat dimasukkan secara terus ke dalam tanah dan dapat memberi nutrien yang optimum pada tumbuhan.



Gambar: Penggunaan alat *Fertilizer Auger*  oleh pembantu awam landskap.

### 4.1.2 Faedah Sampingan Luar Jangka

#### i) Imej Jabatan

Pertumbuhan pokok yang baik dapat menjadikan persekitaran landskap kelihatan lebih indah dan ianya mampu meningkatkan imej jabatan.

#### ii) Teknologi Pintar

Penggunaan produk / alat berteknologi dapat menggantikan kaedah konvensional dalam kerja-kerja pembajaan.



## 4.2 Impak Projek

### 4.2.1 Penilaian Impak dan Pembuktian

**Impak dan Pembuktian**

**i) Meningkatkan kadar keberkesanan kualiti kerja**

- Pengguna dapat memastikan jumlah baja yang dibekalkan mencukupi bagi setiap pokok
- Masalah kehilangan baja akibat larian air di permukaan tanah dapat dielakkan

**ii) Menjimatkan tempoh masa pengendalian peralatan**

- Tempoh masa bagi kerja-kerja pembajaan dapat disingkatkan
- Pengguna hanya memerlukan satu alat *(Fertlizer auger)* sahaja untuk dikendalikan

**iii) Mesra pengguna *(user friendly)***

- Produk yang dihasilkan mudah digunakan oleh semua lapisan umur, ringan dan fleksibel untuk dibawa kemana-mana.

**iv) Meningkatkan kefungsian dan gunasama produk**

- Produk inovasi *(Fertlizer auger)* ini dapat digunakan oleh pelbagai agensi di dalam bidang landskap dan pertanian khususnya seperti Sekolah dan Institusi Tempatan, Jabatan Pertanian serta Kontraktor Landskap Penyelenggaraan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

### 4.2.2 Faedah Sampingan Luar Jangka

1. **Meningkatkan kesuburan dan kadar pertumbuhan tanaman landskap** Penyelenggaraan landskap lembut terutamanya bagi skop kerja-kerja pembajaan menjadi lebih efisien.
2. **Bertepatan dengan objektif jabatan** untuk menjadikan Daerah Sepang bersih, cantik, hijau dan tersusun, serta moto Majlis Perbandaran Sepang, Bersih Hijau dan Sejahtera.
3. **Selaras dengan dasar pembangunan Malaysia MADANI** pada tonggak ketiga iaitu Daya Cipta - melalui konotasi (idea) antaranya pembaharuan, rekacipta dan reka baharu.
4. **Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional RMK ke-12** iaitu: Perkara 11 - Melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju dan Perkara 13 - Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan sektor awam.



Gambar: *Fertilizer Auger 3.0*

# BAB 5: POTENSI PROJEK

## 5.1 Tahap Ketersediaan Teknologi / Sistem / Proses

### 5.1 .1 Pengguna Inovasi

Produk *Fertilizer Auger* 3.0 telah siap sedia untuk kegunaan penyelenggaraan landskap oleh pembantu awam Jabatan Landskap di peringkat MPSepang. Sasaran utama penggunaan produk ini untuk kegunaan pelbagai jabatan dan kementerian, pihak berkuasa tempatan serta institusi-institusi yang berkaitan dengan bidang pertanian.





Gambar: Penggunaan alat *Fertilizer Auger* 3.0 oleh pembantu awam landskap.

### 5.1 .2 Pengiktirafan Inovasi







Gambar: Kumpulan Acacia Society berjaya memenangi tempat pertama bagi Pertandingan Inovasi Terbuka peringkat Majlis Perbandaran Sepang 2023 bagi kategori prototaip.

**KEMENTERIAN EKONOMI**
Menara Prisma, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8090 2921
Faks : 603-8090 2300
Laman Web : www.ekonomi.gov.my

Ruj Kami : EPU.(S).61-100/192/1 (24)
Tarikh : 16 Ogos 2024

YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN.

YBhg. Dato',

**TAWARAN GERAN DANA R&D&C&I SEKTOR KERAJAAN (R&D&C&I-*Gov*)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Ekonomi telah menerima dan mempertimbangan permohonan Dana R&D&C&I-*Gov* oleh pihak YBhg. Dato' yang dikemukakan melalui surat rujukan MPSepang.100-12/4/4 bertarikh 31 Mei 2024.

2. Setelah dipertimbangkan permohonan tersebut, Kementerian ini bersetuju untuk menawarkan Dana R&D&C&I dalam bentuk geran berdasarkan butiran yang berikut:

| | |
|---|---|
| Nama Projek | : Penyelesaian Bagi Masalah Kaedah Pembajaan Tidak Efisyen – Fertilizer Auger |
| Agensi Penerima | : Majlis Perbandaran Sepang |
| Nilai Geran | : RM50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja) |
| Tempoh Pelaksanaan | : 12 Bulan |
| Output Projek | : Prototaip Fertilizer Auger yang ditambah baik untuk pengembangan dan pengkomersialan. |

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran A**. Sekiranya bersetuju, pihak YBhg. Dato' dimohon untuk mengembalikan dokumen-dokumen yang telah lengkap diisi seperti yang berikut:

i. Surat Setuju Terima (**Lampiran B**);
ii. Syarat-syarat Tawaran Dana R&D&C&I-*Gov* yang telah ditandatangani (**Lampiran A**);
iii. Borang maklumat bank rasmi agensi untuk penyaluran peruntukan (**Lampiran C**); dan
iv. Salinan penyata bank.

**TAWARAN DANA PEMERKASAAN R&D&C&I SEKTOR KERAJAAN (R&D&C&I-*Gov*)**
**NO. RUJUKAN** : EPU.(S).61-100/192/1 (24)

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat ini diterima. Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. RAMLI NORDIN)**
Pengurus Eksekutif
Unit Pengurusan Penyelidikan
Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi

*Tel : 03 – 8090 2921*
*Emel : ramli.nordin@ekonomi.gov.my*

2

Surat: Tawaran geran dana kepada sektor kerajaan (R&D&C&I-Gov) bernilai RM50,000.00 bagi pembangunan projek Fertilizer Auger.

## 5.2 Tahap Replikasi Dan Pengkomersialan

### 5.2.1 Pendaftaran Perlindungan Harta Intelek

Produk *Fertilizer Auger* ini telah didaftarkan pada 23 Mei 2024 di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan nombor siri pemberitahuan hak cipta CRLY2024W02701 di bawah kategori karya sastera.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDN)
Aras LG, G, 2-5, 11-13 & 15-23,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 PETALING JAYA,
SELANGOR

Tel : +603 – 7496 8900
Faks(Fax) : +603 – 7496 8999
Laman Web (Web) : www.myipo.gov.my

MOHAMAD ZA'IM ERHAM BIN MISSWANDI
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG,
PERSIARAN SEMARAK API, CYBER 1,
63200 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

LCR01

NOTIFIKASI PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
(Seksyen 26A(3) Akta Hak Cipta 1987)

Tuan/Puan

Sukacita dimaklumkan, maklumat butiran Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta tuan/puan telah direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987. Butiran Pemberitahuan Hak Cipta adalah seperti berikut:

**BUTIRAN KARYA**

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK KARYA | : | FERTILIZER AUGER |
| KATEGORI KARYA | : | SASTERA |
| TARIKH KARYA DICIPTA | : | 23 MEI 2024 |
| TEMPAT PENERBITAN YANG PERTAMA | : | TIDAK BERKAITAN |
| NO. PEMBERITAHUAN | : | CRLY2024W02701 |
| NO. PERMOHONAN | : | LY2024W02701 |
| TARIKH PERMOHONAN | : | 23 MEI 2024 |

**BUTIRAN PENCIPTA**

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PENCIPTA | : | AREFAH BINTI RAHIM |
| NRIC / NO. SYARIKAT | : | TIDAK BERKAITAN |
| WARGANEGARA | : | TIDAK BERKAITAN |
| NAMA PENCIPTA | : | MEGAT MUHAMMAD IQMAR BIN MEGAT HAMDAN |
| NRIC / NO. SYARIKAT | : | TIDAK BERKAITAN |
| WARGANEGARA | : | TIDAK BERKAITAN |

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)



AKTA HAK CIPTA 1987
PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012
SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
[Subperaturan 8(2)]

| | | |
|---|---|---|
| No. Pemberitahuan | : | CRLY2024W02701 |
| Tajuk Karya | : | FERTILIZER AUGER |
| Kategori Karya | : | SASTERA |
| Tarikh Pemberitahuan | : | 23 MEI 2024 |
| Tarikh Karya Dicipta | : | 23 MEI 2024 |

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **MAJLIS PERBANDARAN SEPANG** sebagai **PEMUNYA** dan **AREFAH BINTI RAHIM, MEGAT MUHAMMAD IQMAR BIN MEGAT HAMDAN , MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN, MUHAMAD ZAKWAN BIN MAT ISA, ZULKHAIRI BIN RABA'AI , LUQMAN HAKIM BIN ISMAIL, AIZUDDIN BIN YUSUF, AHMAD SYAFIQ BIN SABRI , AMIRUL NAIM BIN MOHD SANI , MUHAMMAD KHAFIFI BIN MOHAMAD KHAMIDIN** sebagai **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].

KAMAL BIN KORMIN
PENGAWAL HAK CIPTA
MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)

Lampiran: Surat dan Sijil Pemberitahuan Hak Cipta

Selain itu, produk ini juga telah berjaya dipatenkan pada 14 Januari 2025 dengan nombor siri pendaftaran paten PI2025000411 di bawah tajuk inovasi *Hand Operated Hole Digging With Fertilizing Dispenser Apparatus.*





## 5.2.2 Promosi

Edaran dan demonstrasi mengenai cara penggunaan alat *Fertlizer Auger* kepada agensi dan institusi berkaitan.




Gambar: Edaran alat *Fertilizer Auger* kepada agensi berkaitan.

## 5.2.3 Replikasi produk

Pengujian dan penggunaan alat *Fertilizer Auger* 3.0 telah dilakukan di tapak bagi menilai keberkesanan komponen yang ditambahbaik.



Gambar: Pengujian dan penggunaan alat *Fertilizer Auger* 3.0 di tapak

# LAMPIRAN

SEPANG

**MEMO**

| | |
|---|---|
| Daripada | : P (L) |
| Kepada | : Ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) |
| Salinan Kepada | : P(KORP) |

| Rujukan Kami | Tarikh | Rujukan Tuan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| MPSepang(LAND)100-12/4/4 ( ) | 24 Disember 2022 | | |

Tuan,

**PELANTIKAN AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak tuan telah dilantik sebagai ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang. Senarai ahli kumpulan yang dilantik adalah seperti di Lampiran 1.

3. Kerjasama daripada pihak tuan dalam menjayakan Projek KIK ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AREFAH BINTI RAHIM)**
Pengarah,
Jabatan Landskap,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang

Lampiran 1a: Surat Penubuhan Kumpulan

## BORANG PENUBUHAN KUMPULAN INOVASI MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

NAMA FASILITATOR : AREFAH BINTI RAHIM

JABATAN/UNIT : JAB. LANDSKAP

NAMA PRODUK INOVASI : FERTILIZER AUGER

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1. | AHMAD SYAFIQ BIN SABRI | ARKITEK LANDSKAP |
| 2. | MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 3. | MUHAMMAD ZAKWAN BIN MAT ISA | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 4. | ZULKHAIRI BIN MD RABA'AI | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 5. | LUQMAN HAQIM BIN ISMAIL | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 6. | MUHAMMAD AIZUDDIN BIN MOHD YUSUFF | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 7. | AIMI SYAHIRAH BINTI ABU SAFIYAN | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 8. | NUR FADIELLA BINTI MOHD SOHIB | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 9. | AMIRUL NAIM BIN MOHD SANI | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |
| 10. | WAN IZZUDDIN BIN ABD RAZAK | PENOLONG ARKITEK LANDSKAP |

**Nota : Sila kembalikan borang ini sama ada secara hardcopy atau melalui email kepada Encik Mohamad Za'im Erham bin Misswandi** zaim@mpsepang.gov.my **atau Encik Mohammad Reza bin Mohd Kamal** reza@mpsepang.gov.my

Disediakan Oleh :

MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN
Penolong Arkitek Landskap
Majlis Perbandaran Sepang
( )

Disahkan Oleh :

**( Pengarah Jabatan / Unit )**

**AREFAH BINTI RAHIM**
Pengarah
Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Sepang

Lampiran 1b: Borang Penubuhan Kumpulan




Lampiran 1c: Carta Perbatuan Pelaksanaan Projek

# LAMPIRAN



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
*INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA*
(Agensi di bawah KPDN)
Aras LG, G, 2-5, 11-13 & 15-23,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 PETALING JAYA,
SELANGOR

Tel : +603 – 7496 8900
Faks(Fax) : +603 – 7496 8999
Laman Web (Web) : www.myipo.gov.my

MOHAMAD ZA'IM ERHAM BIN MISSWANDI
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG,
PERSIARAN SEMARAK API, CYBER 1,
63200 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

LCR01

**NOTIFIKASI PEMBERITAHUAN HAK CIPTA**
(Seksyen 26A(3) Akta Hak Cipta 1987)

Tuan/Puan

Sukacita dimaklumkan, maklumat butiran Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta tuan/puan telah direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987. Butiran Pemberitahuan Hak Cipta adalah seperti berikut:

**BUTIRAN KARYA**

| | |
|---|---|
| **TAJUK KARYA** | : FERTILIZER AUGER |
| **KATEGORI KARYA** | : SASTERA |
| **TARIKH KARYA DICIPTA** | : 23 MEI 2024 |
| **TEMPAT PENERBITAN YANG PERTAMA** | : TIDAK BERKAITAN |
| **NO. PEMBERITAHUAN** | : CRLY2024W02701 |
| **NO. PERMOHONAN** | : LY2024W02701 |
| **TARIKH PERMOHONAN** | : 23 MEI 2024 |

**BUTIRAN PENCIPTA**

| | |
|---|---|
| **NAMA PENCIPTA** | : AREFAH BINTI RAHIM |
| **NRIC / NO. SYARIKAT** | : TIDAK BERKAITAN |
| **WARGANEGARA** | : TIDAK BERKAITAN |
| **NAMA PENCIPTA** | : MEGAT MUHAMMAD IQMAR BIN MEGAT HAMDAN |
| **NRIC / NO. SYARIKAT** | : TIDAK BERKAITAN |
| **WARGANEGARA** | : TIDAK BERKAITAN |

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)

Lampiran 5a: Surat Pemberitahuan Hak Cipta



**AKTA HAK CIPTA 1987**
**PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012**

**SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA**
**[Subperaturan 8(2)]**

| | |
|---|---|
| No. Pemberitahuan | : **CRLY2024W02701** |
| Tajuk Karya | : **FERTILIZER AUGER** |
| Kategori Karya | : **SASTERA** |
| Tarikh Pemberitahuan | : **23 MEI 2024** |
| Tarikh Karya Dicipta | : **23 MEI 2024** |

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **MAJLIS PERBANDARAN SEPANG** sebagai **PEMUNYA** dan **AREFAH BINTI RAHIM, MEGAT MUHAMMAD IQMAR BIN MEGAT HAMDAN , MUHAMAD FIRDAUS BIN HARUN, MUHAMAD ZAKWAN BIN MAT ISA, ZULKHAIRI BIN RABA'AI , LUQMAN HAKIM BIN ISMAIL, AIZUDDIN BIN YUSUF, AHMAD SYAFIQ BIN SABRI , AMIRUL NAIM BIN MOHD SANI , MUHAMMAD KHAFIFI BIN MOHAMAD KHAMIDIN** sebagai **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].

**KAMAL BIN KORMIN**
**PENGAWAL HAK CIPTA MALAYSIA**

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)

Lampiran 5b: Siji; Pemberitahuan Hak Cipta



**KEMENTERIAN EKONOMI**
Menara Prisma, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8090 2921
Faks : 603-8090 2300
Laman Web : www.ekonomi.gov.my

Ruj Kami : EPU.(S).61-100/192/1 (24)
Tarikh : 16 Ogos 2024

YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN.

YBhg. Dato',

**TAWARAN GERAN DANA R&D&C&I SEKTOR KERAJAAN (R&D&C&I-*Gov*)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Ekonomi telah menerima dan mempertimbangan permohonan Dana R&D&C&I-*Gov* oleh pihak YBhg. Dato' yang dikemukakan melalui surat rujukan MPSepang.100-12/4/4 bertarikh 31 Mei 2024.

2. Setelah dipertimbangkan permohonan tersebut, Kementerian ini bersetuju untuk menawarkan Dana R&D&C&I dalam bentuk geran berdasarkan butiran yang berikut:

| | |
|---|---|
| Nama Projek | : Penyelesaian Bagi Masalah Kaedah Pembajaan Tidak Efisyen – Fertilizer Auger |
| Agensi Penerima | : Majlis Perbandaran Sepang |
| Nilai Geran | : RM50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja) |
| Tempoh Pelaksanaan | : 12 Bulan |
| Output Projek | : Prototaip Fertilizer Auger yang ditambah baik untuk pengembangan dan pengkomersialan. |

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran A**. Sekiranya bersetuju, pihak YBhg. Dato' dimohon untuk mengembalikan dokumen-dokumen yang telah lengkap diisi seperti yang berikut:

i. Surat Setuju Terima (**Lampiran B**);
ii. Syarat-syarat Tawaran Dana R&D&C&I-*Gov* yang telah ditandatangani (**Lampiran A**);
iii. Borang maklumat bank rasmi agensi untuk penyaluran peruntukan (**Lampiran C**); dan
iv. Salinan penyata bank.

**TAWARAN DANA PEMERKASAAN R&D&C&I SEKTOR KERAJAAN (R&D&C&I-*Gov*)**
**NO. RUJUKAN** : EPU.(S).61-100/192/1 (24)

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat ini diterima. Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. RAMLI NORDIN)**
Pengurus Eksekutif
Unit Pengurusan Penyelidikan
Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi

*Tel : 03 – 8090 2921*
*Emel : ramli.nordin@ekonomi.gov.my*

2

Lampiran 5c: Surat tawaran geran dana R&D&C&I sektor kerajaan